



العربية للاستشارة والنشر  
ARABIC LANGUAGE  
AND CONSULTANCY



## □ الدبلوم في لغة الوحي

( برامج لغوية دعوية في علوم القرآن والحديث )

**PROGRAM PENGAJIAN BAHASA WAHYU**

**Untuk Orang Awam**

*Kendalian:-*

ALC Arabic Language & Consultancy

Lot 1160-2A, Jalan Kuala Krai, Nilam Puri

16010 Kota Bharu, Kelantan

H/P 014-838 4040 e-mail : [tadabburwahyu@gmail.com](mailto:tadabburwahyu@gmail.com)





## PENGENALAN

PENGAJIAN BAHASA WAHYU adalah satu **program akademik Arab Mikro** yang dirangka khusus untuk membimbing masyarakat awam merasai “**sentuhan**” bahasa **AL-QURAN & AL-HADITH** sebagai satu system pengajian berterusan melalui dana **INFAQ TA`AWUN**.

### KONSEP :

Secara amnya, PENGAJIAN BAHASA WAHYU adalah satu **program PENGAJIAN BERTERUSAN** yang dirangka khusus untuk membimbing masyarakat awam memahami **AL-QURAN & AL-HADITH** melalui slot-slot berikut:-

Slot program	Operandi	Masa	NOTA
1. Mutiara al-Quran	Huraian petikan <u>kata</u> atau <u>ungkapan</u> berhikmah mengikut urutan surah dalam al-Quran .	30 minit / sesi	Belum
2. Khutbah Jumaat	Sesi <u>tazkirah</u> ringkas padat bersama ahli Jemaah dan penggerak dakwah. <b>FB Live &amp; Youtube</b>	30 minit / sesi	<b>1.40 tgh.</b> <b>JUMAAT</b> Percuma
3. Wacana al-Quran	Kajian <u>ayat-ayat pilihan</u> berdasarkan keperluan semasa dalam pelbagai bidang atau aspek kehidupan. <b>FB Live</b>	30 minit / sesi	<b>7.00 pg.</b> Harian Percuma
4. Tadabbur Hafazan	Kajian tentang <u>surah-surah pilihan</u> yang perlu dihafaz untuk tujuan ibadah harian. <b>FB Live &amp; Google Meet</b>	60 minit / sesi	<b>9.30 pg.</b> Isnin - Rabu Kelas
5. Mutiara al-Hadith	Kajian <u>hadith pilihan</u> sebagai jawapan kepada permasalahan yang berlaku.	60 minit / sesi	Belum
6. Kembara Wahyu	Pengajian bergerak tentang al-Quran dan al-Hadith yang sesuai dengan lokasi pilihan yang ditetapkan	<u>60 minit / sesi</u> 3 slot / hari	<u>Tajaan</u>
7. Bahasa Wahyu	Pengajian Sistem Bahasa Wahyu dan aplikasi dalam Tadabbur al-Quran.	<u>96 jam /</u> <u>6 bulan</u>	<u>Yuran</u>

Program ini akan membantu masyarakat **MENGUASAI KAEDAH** menghayati mesej al-Quran dan al-Hadith secara lebih tepat untuk tujuan ibadah dan mu`amalah dalam hidup.

## **MODUL & TEMPOH PENGAJIAN BAHASA WAHYU**

Untuk mengikuti slot-slot pengajian tersebut, peserta akan diajar menguasai Asas Sistem Bahasa Wahyu melalui tahap-tahap modul berikut :-

Tahap	Tempoh	Modul
1	6 bulan	1. Ganti Nama Arab Mikro 2. Kemahiran Menulis 1
2	6 bulan	3. Ayat 10 Arab Mikro 4. Kemahiran Menulis 2
3	6 bulan	5. Partikel Bahasa Arab 6. Sistem I`rab Arab Mikro
4	6 bulan	7. Pelengkap Ayat Bahasa Arab 8. Aplikasi I`raab & Terjemah BA-BM
5	6 bulan	9. Gaya Bahasa Nahuan 10. Tadabbur al-Quran I
6	6 bulan	11. Olahan Ayat Bahasa Arab 12. Tadabbur al-Quran II

### **SASARAN**

Ia dibangunkan untuk:-

- 1- ORANG AWAM yang berminat
- 2- Para Huffaaz al-Quran al-Kareem
- 3- Pelajar sekolah, kolej dan universiti.

### **SYARAT**

Penyertaan terbuka kepada awam :-

- 1- Sesiapa yang berminat menguasai al-Quran dan al-Hadith.
- 2- Boleh mengenal dan membaca al-Quran dengan baik.
- 3- Mesti habiskan keenam-enam tahap pengajian.

### **PENILAIAN**

Penilaian akan dibuat pada SETIAP Hujung Bulan pengajian tahap berkenaan dalam bentuk (Peperiksaan Terbuka).

### **PERMOHONAN :**

Mana-mana INDIVIDU atau INSTITUSI yang berminat untuk **menyertai** atau **menaja** program ini dipersilakan menghubungi ALC Arab Mikro untuk perbincangan lanjut melalui alamat berikut;-

Pejabat Urusan Arab Mikro  
Arabic Language & Consultancy (KT 0316029-U)  
PT 713, Jalan Kota Jelasin KJ/41, Bandar Baru Tunjung,  
Jalan Kuala Krai, 15100 Kota Bharu Kelantan  
Pej : 09-7449514 H/P : 014-838 4040  
e-mail : [guruarabmikro1@gmail.com](mailto:guruarabmikro1@gmail.com)

الفلسفة 

## FALSAFAH

اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ الْوُضَيْفِيَّةُ وَسَيْطَةُ التَّفْكِيرِ الْإِسْلَامِيِّ

**BAHASA ARAB MIKRO WADAH PEMIKIRAN ISLAM**

Ia akan berfungsi sebagai medium yang jelas untuk memandu umat Islam berfikir dengan cara yang betul dalam mencari penemuan Islam yang tepat dengan fitrah dan prinsip-prinsip agama Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

الهدف 

## MATLAMAT

تَنْوِيرُ التَّفْكِيرِ الْإِسْلَامِيِّ بِالْأَدَلَّةِ الْقُرْآنِيَّةِ وَالسُّنَّةِ النَّبَوِيَّةِ

**MENSWADAYA PEMIKIRAN ISLAM  
DENGAN DALIL AL-QURAN DAN SUNNAH**


Program ini bertujuan membantu setiap peserta memahami system Bahasa Arab dan menghayati mesej yang ingin disampaikan dengan tepat dalam menilai maksud sesuatu teks atau wacana yang dikaji.

# منهج البرنامج

## PENDEKATAN PROGRAM

Kursus ini telah disusun secara sistematis berdasarkan pendekatan BAHASA ARAB MIKRO seperti berikut :-

- **BAHASA ARAB MIKRO** ialah suatu pendekatan baru yang berkesan dalam proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab.
- Ia telah disusun dan diolah secara sistematis berdasarkan *sistem bahasa dan konteks alam pemikiran Melayu di Asia Tenggara*.
- Ia telah diuji dan terbukti berkesan melalui dua kajian besar di peringkat **MA (1995)** dan **Ph.D (2005)** di Universiti Malaya.
- ALC kini dalam proses mengembangkan konsep mudah ini ke seluruh Asia Tenggara.



# محتويات المواد

## SINOPSIS KURSUS

**Kursus-kursus pengajian Arab Mikro di bahagikan kepada :-**

• **Tahap satu : PENGAJIAN ANALITIK :-**

**A- SISTEM BAHASA ARAB :**

Ia merangkumi 8 modul berikut :-

**1- BAM 1101 – Jadual Ganti Nama ( الجدول الصرفي )**

Ia memperkenalkan konsep 8 GOLONGAN KATA Bahasa Arab. Aspek **Bilangan** (*Mufrad, Dua dan Jamak*), **Jantina** (*Lelaki dan Perempuan*), **Ketentuan** (*Am dan Khas*) dan **Posisi Diri** (*Pertama, Kedua dan Ketiga*) adalah unsur-unsur asas yang akan di tekankan. Selepas itu, ia memberi tumpuan kepada 6 JADUAL GANTI NAMA (Tasreef 14) yang menjadi tunjang kepada segala bentuk perubahan kata dalam sesuatu ayat.

**2- BAM 1102 – Kata Kerja dan Perubahan ( الفعل والإعلاال والإبدال )**

Modul ini memberi tumpuan khusus kepada KATA KERJA sebagai unsur utama dalam Ayat Kerjaan Bahasa Arab. Aspek PENGIMBUHAN (*المجرد والمزيد*), SEBUTAN (*الصحيح والمعتل*), UNSUR MAKNA (*اللازم والمتعدي*) dan PERKAITAN MAKNA (*المعلوم والمجهول*) adalah empat aspek utama yang diberi penekanan dalam memahami peranan Kata Kerja dalam Ayat Kerjaan.

**3- BAM 1103 – Wazan 50 ( الأوزان الخمسون )**

Modul ini memberi tumpuan khusus kepada 50 acuan wazan atau bentuk kata kerja, kata dasar, kata sifat dan kata nama. Penguasaan bentuk kata dan fungsi makna (makna tersirat) pada setiap wazan akan diberi perhatian khusus dengan jadual latih tubi yang lengkap.

**4- BAM 1104 – Ayat 10 ( الجمل العشر )**

Ia memperkenalkan struktur asas sistem ayat Bahasa Arab. Teori PERKAITAN MAKNA yang berpaksi kepada kedudukan atau olahan “Benda” dan “Cerita” dalam ayat adalah teras kepada pembentukan sepuluh struktur ayat bahasa Arab (Ayat 10). Seterusnya, ia juga menjelaskan HUKUM KOMBINASI yang perlu dipatuhi dalam hubungan makna antara “Benda” dan “Cerita” dalam Bahasa Arab.

**5- BAM 1105 – Partikel ( الأدوات )**

Ia memperkenalkan 5 jenis partikel utama yang menjadi penanda wacana asas dalam ayat Bahasa Arab. Partikel tersebut ialah Partikell (*أل*), Partikel Sendi Nama, Partikel Sendi kata, Partikel Soal dan Partikel Nafi. Sistem Kasus (I`raab) juga diperkenalkan melalui modul ini.

**6- BAM 1106 – Asas I`raab ( أساس الإعراب )**

Ia memperkenalkan Simulasi Sistem I`raab (Kasus) Bahasa Arab yang melibatkan aplikasi Golongan Kata dan Bentuk Kata sebagai asas utama proses I`raab dalam system Ayat Bahasa Arab dan Konteks Bahasanya.

Simulasi l'raab berjadual tersebut akan memudahkan para pelajar membuat analisa system sesuatu ayat yang dibaca.

**7- BAM 1111 – Pelengkap ( المكملات )**

Modul ini memperkenalkan jenis-jenis Frasa Pelengkap yang sering diguna dalam ayat Bahasa Arab. Ia boleh diasingkan kepada dua jenis, iaitu Farasa Pelengkap Tak Bersendi dan Frasa Pelengkap Bersendi. Pelengkap Tak Bersendi ialah Frasa Adjektif ( النعت ), Frasa Sandaran ( المضاف ), Frasa Gantian ( البدل ), Frasa Kondisi ( الحال ) dan Frasa Penerang ( التمييز ) dan Klausa Sisipan ( الكلام الكامن ). Pelengkap Bersendi ialah Frasa Genetif ( الجار والمجرور ), Frasa Sendi ( العطف ), Frasa Sebab ( لام التعليل ) dan Klausa Pancangan ( الموصول وصلته ). Kesemua frasa pelengkap berfungsi sebagai penerang atau penjelas kepada makna asas ayat. Ia sangat musatahak untuk memahami konteks ayat secara tepat.

**8- BAM 1112 – Olahan Ayat Namaan ( النواسخ )**

Modul ini memperkenalkan lima kategori PEMANSUH Ayat Namaan dalam Bahasa Arab, iaitu Pemansuh Kala Nahuan ( كان وأخواتها ), Pelaras Kala Nahuan ( كاد وأخواتها ), Penegas Makna Nahuan ( إن وأخواتها ), Partikel Nafi ( لا النافية ) dan Penala Persepsi ( ظن وأخواتها ). Kesemua agen tersebut berfungsi untuk mengolah makna asal Ayat Namaan yang merujuk kepada kontek “masa kini” kepada makna baru yang berbeza sama sekali.

**B- KAJIAN ANALITIK :**

Ia merangkumi 7 modul berikut :-

**1- BAM 7001 – Analisis Ganti Nama Dalam Juzuk Amma ( الضمانر في جزء عم )**

Modul ini adalah kajian lanjutan kepada Modul BAM 1101 – Jadual Ganti Nama BA. Ia akan menjelaskan bentuk dan fungsi semua ganti nama yang terdapat dalam Juzuk Amma (30)

**2- BAM 7002 – Analisis Wazan Dalam Juzuk Amma ( الأوزان في جزء عم )**

Modul ini adalah kajian lanjutan kepada Modul BAM 1102 – Kata Kerja dan Perubahan dan Modul BAM 1103 – Wazan 50. Ia akan menjelaskan bentuk dan fungsi semua WAZAN yang terdapat dalam Juzuk Amma (30)

**3- BAM 7003 – Analisis Ayat 10 ( الجمل العشر في سورة الإنسان )**

Modul ini adalah kajian lanjutan kepada Modul BAM 1104 – Ayat 10 BA. Ia akan menjelaskan sistem dan fungsi semua BENTUK AYAT yang terdapat dalam Surah al-Insan.

**4- BAM 7004 – Analisis Partikel BA ( الأدوات في سورة السجدة )**

Modul ini adalah kajian lanjutan kepada Modul BAM 1105 – Partikel BA. Ia akan menjelaskan semua golongan Partikel Utama Bahasa Arab dan peranannya dalam menyampaikan makna ayat dalam Surah al-Sajdah.

**5- BAM 7005 – Analisis Pelengkap Ayat BA ( المكملات في سورة الواقعة )**

Modul ini adalah kajian lanjutan kepada Modul BAM 1111 – Pelengkap Ayat BA. Ia akan menjelaskan jenis Pelengkap Bersendi dan Pelengkap Tidak

Bersendi BA dan tugas nahuan masing-masing seperti yang terdapat dalam surah al-Waqiah.

- 6- **BAM 7006 – Analisis Rangkai Kata BA ( المركبات في سورة الملك )**  
Modul ini adalah kajian lanjut tentang 5 bentuk rangkai kata BA dan gaya bahasanya serta rahsianya dalam Surah al-Mulk.
- 7- **BAM 7007 – Analisis Olahan Ayat Namaan BA ( النواسخ في سورة الكهف )**  
Modul ini adalah kajian lanjutan kepada Modul BAM 1112 – Olahan Ayat Namaan BA. Ia akan menjelaskan 5 jenis Agen Olahan Ayat Namaan dan tugas nahuan masing-masing seperti yang terdapat dalam surah al-Kahfi.

**C- KAJIAN TEKS TADABBUR PILIHAN :**

Ia dirangkumkan dalam 1 modul berikut :-

- 8- **BAM 7008 – Kajian Teks Tadabbur Pilihan ( مختارات التدبر )**  
Modul ini adalah kajian amali teks-teks pilihan yang dipakai dalam Solat, Doa Pilihan, Ayat Pilihan, Selawat, Ayat Syifaa' dan Ruqyah.

## طرق التدريس

### MODUS PEDAGOGI

*Proses Pengajaran dan Pembelajaran diterjemahkan melalui modus berikut*

1- Kajian system bahasa **diaplikasi terus** dalam surah dan hadith pilihan. Boleh diamalkan sebaik sahaja habis kelas.

2- Pengajian melalui Google Meet **dirakam** dan diedar melalui group pengajian masing-masing. Iadalah **TERHAD** untuk group sahaja.

3- **4 Jam pengajian rasmi** / minggu secara santai dan bersahaja.

4- Sukatan pengajian adalah bertaraf diploma.

# الإنفاق الدراسي

## INFAQ PENGAJIAN

*Pengajian ini dikendalikan secara ta`awun melalui konesp infaq berikut*

**\*INFAQ TA`AWAUN\*** ( وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى ) ..

INFAQ TA`AWUN ialah sumbangan ikhlas kerana Allah atas asas kerja sama seimbang untuk menerbitkan KEBAIKAN & TAQWA.

**Infaq ini** oleh dijana melalui:-

A : **Nafaqah** untuk tiga tahun pengajian:-

1- Infaq Pendaftaran (**Wajib**)

RM500.00

2- Infaq Modul Pengajian/Tahap (**Wajib**)

RM500.00

3- Infaq Pengajian/Tahap (RM400 X 6 bulan)

RM2,400.00 ( bergantung kepada kemampuan)

Jumlah/Tahap

**RM3,400.00** sahaja.

**NOTA :**

### 1. INFAQ PENDAFTARAN

**WAJIB** bayar penuh melalui pendaftaran ON-LINE.

### 2. INFAQ MODUL PENGAJIAN

boleh bayar **ANSURAN** dalam tempoh 6 bulan pengajian berjalan.

### 3. INFAQ BULANAN

- i- **SEBAIKNYA BAYAR PENUH** (jika mampu) untuk bantu sahabat kita yang kurang mampu.
- ii- Jika tidak, sila berunding untuk tentukan **TAHAP MAMPU**.

# **Maklumkan saya jika masih ada kemusykilan.**

## B : Infaq Sokongan (Sumbangan) :-

- 1- Zakat
- 2- Sedekah
- 3- Hadiah
- 4- Aset.

Untuk \*PENGESAHAN PERSETUJUAN\* mengikuti program ini, :-

- Sila buat Infaq pendaftaran **RM500.00** ke dalam akaun BIMB : Arabmikro Centre, No : **03-1200-1000-4797** bila sudah tekad niat nak belajar.
- Hantarkan bukti transaksi ke : whatsapp : **014 838 4040** untuk pengeluaran resit bayaran.
- Sertakan FOTO MUKA DEPAN Mykad untuk surat perakuan pelajar berdaftar.

التقيد الدراسي

### STATUS PENGAJIAN

**Setelah mendaftar** STATUS KEAKTIFAN PENGAJIAN akan dinilai melalui ;-

- i- Infaq yang diberi **ATAU** (diutamakan untuk agihan modul pengajian)
- ii- Kehadiran setiap sesi pengajian **ATAU**
- iii- Pengajian sendiri di : <https://www.youtube.com/channel/UCoiJ2kOJvOqpwJlOyAaVZA> **ATAU**
- iv- Apa jua bukti yang menunjukkan ada usaha untuk belajar **ATAU**

Sekian, terima kasih . Wassalam.

"نَحْوِ إِعْلَاءِ كَلِمَةِ الْقُرْآنِ"

"Ke Arah Mendaulatkan Kalimah al-Quran"



Yang benar

[Dr. Mohd Rosdi bin Ismail]

Pengarah Urusan, Arabic Language & Consultancy



AKADEMI  
ARAB MIKRO